

PENDEKATAN PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN DALAM MILENIUM BARU

Chang Lee Hoon
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya

Civics and Citizenship Education was reintroduced as a compulsory subject into the Malaysian school system (KBSR and KBSM) in 2005. This was because it has become increasingly important for schools to educate the young generation to be active and participating citizens in this 21st century. The lack of interest and commitment in teaching and learning of civics that led to the failure of the subject in the 1970s needed to be overcome if the recent reintroduction of the subject is to succeed. Hence, teachers need to use active and interactive approaches in the teaching and learning of Civics and Citizenship Education. This article discusses the new KBSR and KBSM Civics and Citizenship Education subject and various active and interactive teaching and learning strategies that teachers can use to create an effective classroom environment for meaningful learning of the subject. Some classroom activities suited to the KBSR and KBSM syllabi are also suggested.

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) diperkenalkan dalam sistem persekolahan di Malaysia secara berperingkat-peringkat di tahap dua sekolah rendah (Tahun 4 hingga Tahun 6) dan semua tingkatan sekolah menengah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5) untuk semua murid mulai tahun 2005. Sememangnya mata pelajaran Siviks bukanlah satu mata pelajaran baru kerana mata pelajaran ini pernah diajar secara formal sebelum pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) mulai tahun 1982 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mulai tahun 1988.

Walaupun pendidikan sivik tidak diajar secara formal sebagai satu mata pelajaran dalam bilik darjah sejak pelaksanaan KBSR dan KBSM kerana, menurut Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979 (dikenali sebagai Laporan Kabinet 1979), pengajaran dan pembelajaran sivik didapati tidak dijalankan dengan memuaskan. Tambahan pula, menurut Laporan Kabinet 1979 ini, kebanyakan guru dan murid menganggap sivik tidak penting kerana mata pelajaran ini bukan mata pelajaran dalam peperiksaan awam. Mata pelajaran ini juga dipandang "sungguh ringan sekali dan diajar dengan sambilan sahaja" oleh sesetengah sekolah (Laporan Kabinet, 1979, ms. 74). Selain daripada itu, kebanyakan guru "bukan sahaja tidak tahu kaedah mengajar mata pelajaran sivik bahkan bersikap negatif pula terhadap matapelajaran ini. Akibatnya murid-murid tidak tertarik kepada mata pelajaran ini" (Laporan Kabinet, 1979, ms. 74).

Walaupun begitu, Laporan Kabinet 1979 mengakui pada hakikatnya sivik merupakan satu mata pelajaran yang penting untuk melahirkan "generasi akan datang yang bertanggungjawab dan berguna kepada negara" (Laporan Kabinet, 1979, ms. 74). Oleh kerana terdapat kelemahan-kelemahan dalam mata pelajaran sivik dan demi memperbaiki mutu pendidikan sivik di sekolah, maka Laporan Kabinet 1979 mengesyorkan supaya unsur-un-

sur sivik diserapkan menerusi bidang pengajaran kemanusiaan, bahasa, sastera, kegiatan ko-kurikulum dan arnalan sehari-hari di sekolah. Ini bermakna mata pelajaran Sivik tidak diajar secara formal dalam sistem persekolahan apabila terlaksanya KBSR dan KBSM pada awal tahun 1980-an.

Bagaimana pun, dalam milenium barn ini, perkembangan pendidikan dan perubahan yang telah berlaku sarna ada di dalam negara dan secara global telah menjadikan pendidikan sivik dan kewarganegaraan dalam sistem persekolahan menjadi penting (Alred, Byram, & Fleming, 2002; Arthur, Davison, & Stow, 2000; Arthur & Wright, 2001; Beck & Earl, 2000). Di Malaysia, isu-isu perpaduan dan semangat patriotisme di kalangan warga Malaysia, khususnya di kalangan generasi muda telah menjadi isu yang sering diperkatakan dan dibincangkan oleh para pemimpin negara, para pendidik, orang rarnai dan media massa. Tidak dapat dinafikan lagi sekolah mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk membimbing dan melahirkan generasi yang bertanggungjawab. Dengan itu, kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara akan dapat diteruskan dan dikekalkan.

Oleh itu, mulai tahun 2005, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengenalkan semula mata pelajaran Pendidikan Sivik (PS) dengan nama baru Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK). Mata pelajaran ini diajar dua kali seminggu dalam kelas Tahun Empat di sekolah rendah dan Tingkatan Satu sekolah menengah; dijadikan mata pelajaran teras untuk semua murid; dan mata pelajaran ini akan terns diajar sehingga Tingkatan Lima.

Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSRIKBSM

Matlamat PSK adalah untuk memberi kesedaran kepada murid mengenai peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan dunia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2005ab).

Tiga objektif utama PSK adalah: 1) Pengetahuan; 2) Kemahiran; dan 3) Nilai.

Pengetahuan sivik dan kewarganegaraan dalam sukatan pelajaran PSK adalah merujuk: 1) Maklumat dan idea asas yang harus diketahui murid; dan 2) Boleh mengaplikasikannya supaya mereka menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan aktif. Pengetahuan termasuk: 1) Perkembangan diri; 2) Hubungan dengan keluarga, komuniti sekolah, dan masyarakat; dan 3) Cabaran masa depan di peringkat nasional dan global. Sementara kemahiran merujuk kepada: 1) Kemahiran murid melibatkan diri dalam aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah; 2) Sebagai warganegara seperti kemahiran-kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah; meningkatkan kesedaran sivik; dan 3) Memberi sumbangan kepada pembangunan keluarga dan masyarakat. Nilai pula merujuk kepada: 1) Nilai mumi yang perlu dimiliki oleh seorang warganegara supaya boleh menjadi seorang manusia yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab. Nilai-nilai ini termasuklah: 1) Toleransi; 2) Menghormati hak orang lain; 3) Adil; 4) Saksama; 5) Integriti; dan 6) Patriotisme (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2005ab)

Kandungan mata pelajaran PSK telah digubal secara tematik. Tema-tema untuk peringkat sekolah rendah adalah: sayangi diri; sayangi keluarga; hidup bersama dalam keluarga dan masyarakat; kenali budaya Malaysia; Malaysia negaraku; dan sedia hadapi

cabaran. Tema-tema untuk sekolah menengah pula adalah: pencapaian sendiri; hubungan kekeluargaan; hidup bennasyarakat; warisan kepelbagaian budaya Malaysia; Malaysia negara berdaulat; dan cabaran masa depan. Walaupun semua tema tersebut diajar setiap tahun tetapi topik-topik berbeza mengikut tahun atau tingkatan diajar dari setiap tema.

Satu lagi komponen yang penting dalam PSK ialah projek kewarganegaraan di sekolah rendah dan projek khidmat masyarakat di sekolah menengah. Kerja amali sekurang-kurangnya sepuluh jam setahun di luar jadual waktu persekolahan ditetapkan bagi melaksanakan kedua-dua projek berkenaan. Melalui projek kerja amali ini, murid diberi peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik yang dipelajari dalam bilik darjah supaya mereka menjadi warganegara yang dapat menyertai secara aktif dalam masyarakat.

Pihak guru dan sekolah telah menghadapi satu cabaran baru dengan pelaksanaan mata pelajaran yang baru ini iaitu bagaimana hendak melaksanakannya dengan berkesan dan bermakna. di dalam dan di luar bilikdarj3,.b_.J.Dij!J~a membawa kepada satupersoalan barn di kalangan guru-guru SPK iaitu bagaimana mereka boleh mengajar PSK sehingga murid boleh me lib atkan did secara aktif dalam pembelajaran. Persoalan ini perlu ditangani oleh semua pihak di sekolah dengan serius supaya PSK tidak akan mengalami nasib yang sarna dengan mata pelajaran PS sebelum ini.

Pendekatan Penyertaan Murid secara Aktif dan Interaktif

Menurut Print (2005) pendekatan yang digunakan dalam pengajaran PSK boleh dikategorikan kepada tiga: 1) Pasif-kognitif berasaskan kelas; 2) Pasif-kognitif berasaskan sekolah; 3) Penyertaan-aktif berasaskan kelas dan sekolah. Pendekatan pasif-kognitif berasaskan kelas dan sekolah lebih berfokus kepada strategi-strategi yang berpusatkan-guru di mana murid adalah pasif dan hanya menerima pengetahuan yang telah diajar guru. Sebaliknya, pendekatan penyertaan-aktif berasaskan kelas dan sekolah Iebih berfokuskan kepada strategi-strategi yang berpusatkan murid di mana murid akan melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran. Walaupun semua kategori pengajaran PSK ada kekuatan dan kelemahan tetapi boleh diperbaiki dengan mengaplikasikan beberapa pendekatan lain seperti pendekatan aktif dan interaktif oleh Alfred, Biram, dan Fleming (2002), Arthur, Davison, dan Stow (2000), Arthur dan Wright (2001), Beck dan Earl (2000), Print (2005) dan Swiniarski, Breitborde, dan Murphy (1999) yang dikira lebih sesuai untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran PSK (Chang Lee Hoon, 2004). Pendekatan aktif dan interaktif memberi pelajar peluang mengalami dan melibatkan diri dalam proses mendapatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta nilai sivik dan kewarganegaraan. Dengan kata yang lain, melalui pendekatan penyertaan murid secara aktif dan interaktif memberi peluang kepada pelajar untuk bertanya, berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sarna lain dalarn memberi dan berkongsi pendapat dan idea untuk memahami dan mengkaji peranan mereka sebagai warganegara Malaysia yang patriotik dan bertanggungjawab. Lima strategi pengajaran dan pembelajaran secara aktif dan interaktif ialah: 1) Pembelajaran aktif; 2) Pembelajaran koperatif; 3) Pembelajaran penyelesaian masalah; 4) Pembelajaran mesra budaya; dan 5) Pembelajaran berkhidmat.

Pembelajaran Aktif dalam PSK

Pembelajaran aktif dalam PSK akan membolehkan murid memahami peranan dan tanggungjawab mereka sebagai seorang anggota yang bertanggungjawab dalam pelbagai kumpulan sosial (keluarga, sekolah, rakan, komuniti tempatan, agama, negara, global). Ini kerana pembelajaran aktif melibatkan penyertaan murid dalam proses pembelajaran *hands-on* dan *minds-on* yang tidak pasif dan mendatar (Arthur & Wright, 2001; Laughlin & Hartoonian, 1995; Orlich, Harder, Callahan, & Gibson, 2001). Melalui pembelajaran aktif dan interaktif, murid diheri peluang untuk mengembangkan aspek-aspek kemahiran dan nilai, selain mengaplikasikan pengetahuan sivik dan kewarganegaraan dalam kehidupan seharian murid.

Dalam mengaplikasikan pembelajaran aktif, guru PSK perlu menjalankan aktiviti pembelajaran yang mencabar, menarik, dan relevan. Ini akan menyebabkan mood boleh mengaplikasikan hasil aktiviti pembelajaran kepada suasana pembelajaran yang lain, di dalam atau luar bilik darjah. Dengan kata yang lain, melalui aktiviti pembelajaran aktif murid mempelajari sesuatu yang bermakna kerana mereka diberi peluang untuk mengaitkan pengetahuan, kemahiran, dan nilai sivik dan kewarganegaraan dalam sesuatu aktiviti pembelajaran,

Dengan merujuk kepada sukatan pelajaran PSK sekolah rendah dan menengah, 00-berapa aktiviti pembelajaran aktif yang boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran PSK antaranya adalah: 1) Perbincangan atau kerja kumpulan kecil seperti *buzzing*; sumbang saran; memainkan peranan; simulasi; debat; dan forum; 2) Aktiviti pembelajaran koperatifberkumpulan seperti berfikir secara berpasangan atau berkongsi; permainan; memainkan peranan; *peer tutoring*; dan *jigsaw*; 3) Aktiviti pembelajaran siber seperti mencari maklumat melalui Internet; membina laman Web; bertukar pendapat melalui emel dengan murid dari sekolah lain di dalam atau luar negeri; 4) Demonstrasillakonan oleh guru atau murid seperti penampilan diri dalam menjaga maruah diri ataupun cara yang baik dan efektif menolak pelawaan rakan untuk melakukan perkara negatif seperti merokok dan lumba motosikal haram; 5) Projek yang dicadangkan oleh murid sendiri seperti mengadakan pertunjukan pakaian tradisional atau pertandingan bercerita seperti cerita rakyat Malaysia; dan 6) Pembelajaran refleksi sendiri seperti menyimpan jurnal dan diari mengenai cita-cita diri; dan pandangan serta perasaan mengenai peristiwa lalu yang berkait dengan hubungan murid dengan rakan-rakan atau anggota keluarganya.

Pembelajaran secara Koperatif dalam PSK

Pembelajaran secara koperatif melalui proses pembelajaran secara berkumpulan. Ini menjadikan mood dapat memahami kepentingan saling membantu untuk mencapai kejayaan kumpulan. Pembelajaran ini yang berasaskan hendak mencapai sesuatu matlamat kumpulan amat sesuai diaplikasikan dalam mempelajari isu-isu yang berkait dengan kewarganegaraan dalam system demokrasi (Print, 2005). Menurut Johnson, Johnson dan Holubec (1999 dlm. Gunter, Estes, & Schwab, 2003) pembelajaran secara koperatif mempunyai ciri-ciri yang tertentu yang membezakannya daripada aktiviti pembelajaran tradisional di mana murid berkumpul untuk melakukan sesuatu aktiviti seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1
Perbandingan antara Pembelajaran Berkumpulan secara Koperatif dengan Pembelajaran Berkumpulan Tradisional

Pembelajaran Berkumpulan secara Koperatif	Pembelajaran Berkumpulan Tradisional
Saling bergantung positif	Tiada saling bergantung positif
Akauntabiliti individu	Tiada akauntabiliti individu
Kumpulan yang <i>heterogeneous</i>	Kumpulan yang <i>homogeneous</i>
Bersama-sama memimpin	Seorang pemimpin sahaja yang dilantik
Bersama-sama bertanggungjawab	Bertanggungjawab terhadap diri sahaja
Penekanan kepada tugas dan proses	Penekanan kepada tugas
Kemahiran sosial diajar secara langsung	Kemahiran sosial diajar secara implisit dan kadang kala diketepikan
Guru memerhati dan membimbing	Guru tidak mementingkan fungsi kumpulan
Kumpulan menilai keberkesanan sendiri	Tidak ada proses berkumpulan

Dengan mengaplikasikan ciri-ciri pembelajaran berkumpulan secara koperatif pada Jadual 1 dalam kelas PSK, memungkinkan pencapaian matlamat PSK iaitu untuk melahirkan warganegara yang hersatu padu; dan wujud hubungan erat antara anggota masyarakat herbilang kaum. Contohnya, ketika guru berinteraksi dengan murid yang berasal daripada pelbagai latar belakang, murid akan lebih peka terhadap perasaan dan pandangan ahli kumpulan (bangsa atau agama) lain. Ini seterusnya akan mewujudkan persefahaman dan perasaan saling hormat menghormati antara satu sama lain; dan dengan sendirinya konflik yang dihadapi oleh kumpulan-kumpulan akan dapat ditangani dengan cara semua pihak bekerjasama dan bertanggungjawab untuk memastikan kejayaan kumpulan dalam mencapai sesuatu matlamat (Jacobs, Gan, & Ball, 1998).

Terdapat pelbagai aktiviti pembelajaran koperatif yang boleh diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran PSK. Antaranya: 1) Berfikir secara berpasangan/berkongsi. Antaranya, sekumpulan murid berfikir secara kongsi mengenai kekuatan diri ataupun cara membantu anggota keluarga di rumah; 2) Permainan; 3) Memainkan peranan atau simulasi seperti masing-masing memainkan peranan di Hari Mengundi; 4) Perbincangan seperti mini Parlimen; dan 5) Projek seperti projek kitar semula.

Pembelajaran Penyelesaian Masalah dalam PSK

Tidak dapat dinafikan murid masa kini akan menjadi pemimpin masa depan. Dalam era globalisasi ini, perubahan dan kompleksiti sentiasa berlaku di dalam komuniti tempatan, negara dan global. Impaknya, murid turut menghadapi pelbagai cabaran dan terpaksa menyelesaikan masalah peribadi dan sosial mereka. Ini memberi pengertian bahawa perkembangan kewarganegaraan dan sivik, yang menjadi tunjang pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat, memerlukan setiap murid memiliki ilmu pengetahuan, ke-

mahiran, dan nilai yang baik untuk menangani pelbagai cabaran dan masalah yang datang melanda. Ini juga bermakna, untuk membimbing murid dengan menggunakan pendekatan penyelesaian masalah, guru PSK harus memahami setiap masalah yang hendak diselesaikan seharusnya relevan dengan murid itu sendiri dan juga persekitaran mereka. Ini kerana setiap masalah yang hendak diselesaikan dan sebarang keputusan yang akan diambil akan menjadi lebih bermakna, selain boleh diaplikasikan dalam kehidupan murid selaku warganegara Malaysia dan juga global.

Secara amnya, pendekatan pembelajaran penyelesaian masalah dalam PSK melibatkan murid untuk mencari jawapan sesuatu persoalan (mengenai peranan dan tanggungjawab diri dalam perkembangan sivik dan kewarganegaraan) melalui proses inkuiri yang sistematik iaitu: 1) Mengenal pasti dan menghuraikan sesuatu masalah; 2) Menentukan pelbagai alternatif dan juga kekangan masalah dari aspek fakta, pandangan, dan perasaan watak yang terlibat; 3) Memilih strategi yang sesuai untuk menyelesaikan masalah seperti menggunakan pendekatan sebab dan akibat mahupun pendekatan konflik dan penyelesaian; 4) Menguji keputusan tentatif yang dipilih dengan mengumpul dan menilai maklumat yang berkaitan dengan masalah; dan 5) Membuat keputusan muktamad ataupun mengubahsuai langkah/strategi yang telah diambil, jika perlu (Glasgow, 1997; Kellough, 2000; Laughlin & Hartoonian, 1995).

Aplikasi pendekatan pembelajaran penyelesaian masalah secara aktif dalam PSK adalah asas yang efektif bagi murid untuk memahami dan menangani perubahan yang berlaku dalam kehidupan dan persekitaran mereka - rasa bertanggungjawab sebagai warganegara Malaysia. Terdapat pelbagai aktiviti pembelajaran penyelesaian masalah yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran PSK. Antaranya: 1) Perbincangan berkumpulan; 2) Memainkan peranan tertentu misalnya dalam pejabat; Debat; Penyolaan; Panel juri; Rundingan meja bulat; Peta minda; dan Penyusunan grafik.

Pembelajaran Mesra Budaya

Kepelbagaian bahasa, etnik, agama, budaya, fizikal, gender, bakat, dan kebolehan adalah realiti masyarakat Malaysia. Kepelbagaian ini juga menjadi cabaran dan juga kekuatan setiap warga negaranya untuk hidup bersama dan bersatu ke arah kehidupan yang harmoni dan sejahtera (Chang Lee Hoon, 2004). Bagaimana pun, kepelbagaian ini tidak menghalang setiap warganegara untuk mempunyai persamaan hak sebagai warganegara Malaysia. Persamaan hak sebagai warganegara Malaysia ini adalah antara identiti utama warganegara Malaysia. Ini membawa implikasi kepada pengajaran dan pembelajaran PSK iaitu bagaimana guru hendak mewujudkan kefahaman dan apresiasi kepelbagaian tersebut di kalangan murid sebagai anggota masyarakat Malaysia; dan pada masa yang sama mereka menyumbang kepada pengembangan identiti warga negara Malaysia yang unik.

Berasaskan kepada kepentingan memahami dan mengapresiasi kepelbagaian dalam masyarakat dan mewujudkan identiti warga negara Malaysia yang unik ini, pembelajaran mesra budaya perlu diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran PSK. Pembelajaran ini memberi peluang kepada setiap murid untuk berinteraksi dan mernaharni pandangan dan perasaan murid lain daripada pelbagai latar belakang dan budaya. Melalui proses pembelajaran sebegini, murid akan lebih menghormati kepelbagaian budaya iaitu dengan menengok segala prasangka dan salah tanggapan terhadap budaya anggota atau

etnik yang lain (Alred, Byram, & Fleming, 2002; Swiniarski, Breitborde, & Murphy, 1999).

Pengalaman pembelajaran mesra budaya akan mengembangkan nilai sivik yang menjadi nadi bagi kehidupan masyarakat yang hannonis dan aman di peringkat nasional dan global. Antara nilai sivik yang diperlukan oleh masyarakat yang mempunyai pelbagai agama, etnik, dan budaya ialah: hormat-menghormati; toleransi; kasih sayang terhadap alam sekitar; kepatuhan kepada peraturan dan undang-undang; . dan .patriotik. Untuk mengembangkan pendekatan pembelajaran ini, seorang guru PSK harus berusaha mewujudkan suasana pembelajaran yang menggalakkan interaksi dan integrasi di kalangan murid, di dalam dan di luar bilik darjah.

Dalam konteks sukatan pelajaran PSK bagi KBSR dan KBSM, antara aktiviti pembelajaran mesra budaya yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran PSK ialah: 1) Projek yang dicadangkan oleh murid seperti menyediakan bahan "Kenali Malaysia" dan jugakempen-kesedaransivik peringkat sekolah-z) Dialog: Antaranya, dialog dengan pekerja atau pentadbir sekolah untuk membina sekolah penyayang; atau dialog dengan pihak polis mengenai masalah sosial di kalangan pelajar sekolah dan cara mengatasinya; dan 3) Menonton filem/video sejarah sekolah atau cara memasak makanan tradisional pelbagai kaum.

Pembelajaran Berkhidmat dalam PSK

Pembelajaran berkhidmat (*service learning*) atau perkhidmatan komuniti di luar bilik darjah adalah elemen utama dalam pendekatan penyertaan murid secara aktif dan interaktif. Penyertaan murid secara aktif dalam sesuatu projek komuniti menjadikan mood dapat mengaplikasi ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari dalam kelas (mata pelajaran SPK) dalam menyelesaikan masalah sosial yang benar-benar berlaku di sekolah, komuniti, negara dan global. Melalui pembelajaran berkhidmat ini juga setiap murid melaksanakan tugas kepemimpinan, selain melaksanakan tanggungjawab ketika menjalankan perkhidmatan sivik kepada masyarakat. Mereka juga akan mengembangkan amalan nilai-nilai sivik serta kemahiran sosial dan kewarganegaraan dalam masyarakat.

Bagaimana pun, pembelajaran berkhidmat memerlukan sokongan dan penglibatan ibu bapa serta komuniti tempatan. Oleh itu, guru PSK atau pihak sekolah perlu mengadakan rakan kongsi/kerjasama dengan agensi-agensi komuniti tempatan untuk memudahkan murid berhubung dengan agensi-agensi tersebut; dan juga membincangkan perkhidmatan komuniti yang mereka boleh tawarkan. Aktiviti pembelajaran berkhidmat yang mungkin boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran PSK boleh dikategorikan kepada: 1) Berkhidmat secara langsung; 2) Berkhidmat secara tidak langsung; dan 3) Tindakan *advocacy* atau *affirmative*.

Berkhidmat secara langsung bermaksud berkhidmat kepada sesiapa yang memerlukan seperti membantu pekerja sekolah membersihkan taman sekolah atau menghiburkan penghuni rumah orang tua. Berkhidmat secara tidak langsung ialah: Berkhidmat kepada sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam perkhidmatan (seperti mengutip derma mangsa bencana alam; dan kemudian menyerahkannya kepada manamana akhbar tempatan untuk menguruskan kutipan tersebut). Tindakan *advocacy* atau *affirmative* pula ialah tindakan yang mengemukakan cadangan (kepada pihak-pihak tertentu); ataupun kempen masalah sosial. Antaranya, menghantar cadangan kepada pihak

sekolah bagaimana membina sekolah penyayang; dan menulis surat kepada pengurusan pusat membeli-belah tempatan supaya menyediakan kemudahan-kemudahan awam yang sesuai untuk golongan istimewa.

RUMUSAN

Jika para pendidik menggunakan pendekatan tradisional (guru bercakap dan murid mendengar) bererti matlamat PSK yang barn ini tidak akan tercapai. Oleh itu, seorang guru harus melibatkan penyertaan murid supaya mereka menjadi warganegara Malaysia yang bertanggungjawab. Melalui penyertaan yang aktif dan interaktif dalam pembelajaran, murid boleh memahami dan mengaitkan pengetahuan, kemahiran, nilai sivik, dan kewarganegaraan dalam kehidupan mereka, dan ini pastinya nanti akan menjadikan wawasan negara suatu realiti. Bagaimanapun, kejayaan dalam melaksanakan pelbagai strategi termasuk pembelajaran secara aktif dan interaktif memerlukan guru PSK yang memahami matlamat dan kandungan PSK itu sendiri dengan itu suasana pembelajaran yang efektif dapat diwujudkan.

Selain dari itu, jika kelemahan-kelemahan dalam pengajaran dan pembelajaran sivik yang terdapat dalam Laporan Kabinet 1979 tidak diatasi segera bermakna murid-murid akan terus tidak berminat terhadap mata pelajaran ini. Tidak dapat dinafikan lagi, kejayaan dalam pelaksanaan PSK memerlukan kolaborasi dan komitmen sekolah, komuniti dan masyarakat bagi melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan dunia.

RUJUKAN

- Alred, G., Byram, M., & Fleming, M. (Eds.). (2002). *Intercultural experience and education*. Mountain View, CA: Multilingual.
- Arthur, I., Davison, I., & Stow, W. (2000). *Social literacy, citizenship education and the national curriculum*. London: Routledge.
- Arthur, J., & Wright, D. (2001). *Teaching citizenship in the secondary school*. London: Fulton.
- Beck, J., & Earl, M. (Eds.). (2000). *Key issues in secondary education*. London: Cassell.
- Chang Lee Hoon (2004). *Pendekatan pendidikan sivik dan kewarganegaraan yang terkini*, Kertas kerja Kursus Orientasi Jurulatih Utama, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan Tahun 4 KBSR dan Tingkatan 1 KBSM, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Glasgow, N. A. (1997). *New curriculum/or new times: A guide to student-centered, problem-based learning*. Thousand Oaks, CA: Corwin.
- Gunter, M. A, Ester T. H, & Schwas, I. H. (2003). *Instruction: A model approach*. Boston, MA: Allyn.
- Jacobs, G. M., Gan, S. K., & Ball, I. (1998). *Pembelajaran kerjasama: Buku sumber untuk pendidikan perguruan* (Cet. 4 Bahasa Melayu). Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kellough, R. D. (2000). *A resource guide for teaching: K-12* (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Merrill.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2005a). *Sukatan pelajaran Pendidikan Sivik dan Ke-warganegaraan KBSR*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2005b). *Sukatan pelajaran Pendidikan Sivik dan Ke-warganegaraan KBSM*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Laughlin, M. A., & Hartoonian, H. M. (1995). *Challenges of social studies instruction in middle and high schools*. Fort Worth, TX: Harcourt.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. (1979). Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Print, M. (2005). *Student engagement: Pedagogy for moral, civic and citizenship education*. Ucap utama Asia-Pacific Moral, Civic and Citizenship Education Conference 2005, Universiti Malaya.
- Orlich, D. C., Harder, R. J., Callahan, R. C., & Gibson, H. W. (2001). *Teaching strategies: A guide to better instruction (6th ed.)*. Boston, MA: Houghton.
- Swiniarski, L. A., Breitborde, M., & Murphy, J. (1999). *Educating the global village including the young child in the world*. Upper Saddle River, NJ: Merrill.